

TARIKH	JUMAAT, 19 JULAI 2024
AKHBAR	UTUSAN MALAYSIA
TAJUK ARTIKEL	KPM, MOSTI LAKSANA PROGRAM BERSAMA SAINTIS DI 100 SEKOLAH
M/S	9
BIDANG	MOSTI
KATA KUNCI	MOSTI

# KPM, MOSTI laksanakan program bersama saintis di 100 sekolah

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM  
dan ARIF AIMAN ASROL  
utusannews@mediamulia.com.my

**PUTRAJAYA:** Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) akan bekerjasama dengan Kementerian Sains, Teknologi dan inovasi (MOSTI) bagi melaksanakan program bersama saintis di 100 buah sekolah seluruh negara.

Menurut Menteri, Fadhlina Sidek, program itu seperti disarankan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim bagi meningkatkan minat murid dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM).

Katanya, KPM bersama dengan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan MOSTI telah mengorak langkah menubuhkan Jawatankuasa Khas STEM yang memberi fokus khusus kepada hala tuju STEM bermula dari peringkat sekolah sehingga ke pendidikan tinggi.

“Pelbagai inisiatif pembu-



**Pelbagai inisiatif  
pembudayaan,  
aktiviti dan program  
pembangunan  
STEM sedang giat  
berjalan di sekolah.”**

**FADHLINA SIDEK**

dayaan, aktiviti dan program pembangunan STEM sedang giat berjalan di sekolah,” katanya dalam kenyataan semalam.

Semalam, Anwar mengarahkan MOSTI menyediakan 100 saintis bioteknologi ke 100 buah sekolah bagi meningkatkan minat murid terhadap bidang STEM berikutan minat murid terhadap bidang tersebut menurun.

Sementara itu, Setiausaha Kluster Reformasi Pendidikan

dan Modal Insan Majlis Profesor Negara (MPN), Dr. Anuar Ahmad berkata, usaha yang dilakukan Perdana Menteri terhadap pendidikan negara merupakan isyarat kepada semua pihak yang bertanggungjawab untuk lebih proaktif dalam menjayakannya.

Menurutnya, semua pihak diingatkan agar tidak terlalu asyik dan leka dengan isu pendidikan yang ‘terkepung’ dengan idea lama.

“Dunia sedang bergerak maju, persaingan semakin hebat. Keperluan dan kehendak masyarakat global semakin kompleks.

“Perubahan dalam pendidikan adalah sesuatu yang tidak dapat dielakkan. Semakin lama kepimpinan pendidikan ‘berkampung dengan isu lapuk’, maka akan semakin ketinggalan anak-anak kita.

“Kita memerlukan kepimpinan pendidikan negara yang mempunyai visi serta hala tuju yang jelas, juga tegas dan berani,” katanya.

DISEDIAKAN  
OLEH

NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM  
UNIT PERPUSTAKAAN, BPM